

PM bidas sikap hipokrit Barat

KUALA LUMPUR 6 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas sikap talam dua muka (hipokrit) golongan yang menggelarkan diri mereka sebagai pejuang hak asasi manusia dalam menangani isu Bosnia-Herzegovina.

Beliau berkata, dalam konflik negara Balkan itu, puak Serb sering diugut oleh golongan itu tetapi ia tidak konsisten dalam pendirian mereka.

"Mereka kata puak Serb akan dibom jika mereka (Serb) tidak mengundurkan tenteranya dari Bosnia.

"Mereka (kuasa-kuasa Barat) selepas menunjukkan kekuatan mereka melalui kapal-kapal pejuang yang canggih, kuasa Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) menarik balik tentera mereka dari Bosnia dan seterusnya mendiamkan diri," katanya.



Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Pemikiran Semula Hak Asasi Manusia anjuran *Just World Trust* di sini, hari ini.

Katanya, selepas kuasa-kuasa Barat gagal berbuat apa-apa terhadap keangkuhan Serb, mereka mengarahkan puak itu untuk mengadakan rundingan.

"Puak Serb kemudian mengebom rakyat Bosnia. Rakyat yang tidak berdosa malah pesakit di hospital dibunuh dan dicederakan. Pejuang hak asasi manusia itu yang takut tentera mereka tercedera tidak membuat apa-apa," katanya.

Perdana Menteri berkata, puak Serb mempunyai segala senjata yang diperlukan manakala rakyat Bosnia tidak mempunyai apa-apa dan para pejuang hak asasi manusia melihat ia sebagai satu situasi yang paling baik untuk mempertahankan diri mereka.

"Mereka tahu jika rakyat Bosnia diberikan senjata, bukan sahaja rakyat Bosnia yang akan mati tetapi puak Serb juga akan turut tercedera.

"Mereka juga tahu puak Serb akan marah terhadap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) jika rakyat Bosnia diberikan senjata dan mereka

(puak Serb) akan bertindak terhadap tentera NATO," tambah Dr. Mahathir.

Perdana Menteri berkata, puak Serb turut mengetahui bahawa jika mereka tidak menghentikan serangan terhadap Bosnia, NATO akan mengundurkan diri daripada negara Balkan itu dan membenarkan puak Serb meneruskan penaklukan mereka.

"Keadaan ini bukan sahaja menunjukkan kuasa liberal Barat pengecut tetapi logik mereka dalam isu Bosnia diputar belit," tegas beliau.

Dr. Mahathir turut menyelar sikap Barat yang membenarkan hak asasi manusia dicemar dengan dahsyat jika kepentingan mereka tidak terjejas.

"Adalah sukar untuk kita mengaku dan menerima sikap talam dua muka seperti ini," katanya.